



## KENYATAAN TENDER (KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

- Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas. Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini boleh layari laman <https://dcoins.pj.gov.my> bagi tujuan pendaftaran kontraktor/syarikat.
- Tender serta kelayakan asas Kontraktor / Syarikat adalah seperti berikut:

NAMA TENDER	SYARAT MEMASUKI TENDER	SYARAT KELAYAKAN PENGALAMAN KERJA	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH & TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER DITUTUP
<b>1. CADANGAN KERJA MENUKAR KARPET SEDIADA DI RUANGAN PEJABAT KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, PRESINT 3 PUTRAJAYA.</b> NO. TENDER: PPJ/ JB/T/37/2020	<b>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)</b>  Gred: G4 Kategori: B Khusus : B07  Dan  Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Untuk Taraf Bumiputera	Tidak Berkaitan	Taklimat Dijalankan Secara Atas Talian (Dalam Bentuk Slide) Pada <b>3 Mac 2021</b> dipautan berikut:  <a href="https://www.pj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga">https://www.pj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga</a>  Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan	<b>3 Mac 2021 (Rabu)</b>  hingga <b>17 Mac 2021 (Rabu)</b> Bahagian Perolehan & Ukur Bahan, Jabatan Kewangan, Aras 1, Blok C, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya	Ringgit Malaysia <b>RM400.00</b>  (Tidak Dikembalikan)  <b>Tunai / Deraf Bank</b>  Perbadanan Putrajaya	<b>25 Mac 2021 (Khamis)</b>  <b>12.00 tengah hari</b>  Bahagian Perolehan & Ukur Bahan, Aras 1, Blok C, Jabatan Kewangan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya
<b>2. KERJA-KERJA PEMBAIKAN, MENAIKtaraf DAN MENGUJILARI SISTEM KAD AKSES DAN LAIN-LAIN PERKAKASAN BERKAITAN DI KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, PRESINT 3, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.</b> NO. TENDER: PPJ/ JB/T/48/2020	<b>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)</b>  Gred: G4 Kategori: ME Khusus : E02 atau E03  Dan  Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Untuk Taraf Bumiputera	Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM 200,000.00 bagi (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.	Taklimat Dijalankan Secara Atas Talian (Dalam Bentuk Slide) Pada <b>4 Mac 2021</b> dipautan berikut:  <a href="https://www.pj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga">https://www.pj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga</a>  Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan	<b>4 Mac 2021 (Khamis)</b>  Hingga <b>18 Mac 2021 (Khamis)</b>  Bahagian Perolehan & Ukur Bahan, Jabatan Kewangan, Aras 1, Blok C, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya	Ringgit Malaysia <b>RM200.00</b>  (Tidak Dikembalikan)  <b>Tunai / Deraf Bank</b>  Perbadanan Putrajaya	<b>26 Mac 2021 (Jumaat)</b>  <b>12.00 tengah hari</b>  Bahagian Perolehan & Ukur Bahan, Aras 1, Blok C, Jabatan Kewangan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

- Kontraktor / Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berpengalaman sebagaimana dinyatakan di dalam jadual tajuk projek tersebut.
- Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
- Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor / Syarikat yang sah sahaja dimana wakil-wakil Kontraktor / Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Kontraktor / Syarikat juga hendaklah membawa dokumen-dokumen asal dan satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputra (PKK). Salinan Sijil-Sijil Pendaftaran BPKU boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah BPKU.
- Dokumen Tender yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dihkaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
- Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan Tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran dokumen Tender tidak akan dikembalikan
- Perbadanan Putrajaya tidak akan mengeluarkan sebarang dokumen bagi tujuan kebenaran merentas Daerah/Negeri dan semua urusan berkaitan dokumen tender ini perlu mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang berkuatkuasa.